UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

# Pengurusan Integriti dan Keselamatan (Integriti, Rasuah dan Keselamatan)

Oleh
Haslida Hassan
Ketua Unit Integriti

# Kandungan Sesi

AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

**1. INTEGRITI**

- Pengenalan kepada konsep integriti

**2. RASUAH**

- Pengertian rasuah
- Contoh-contoh rasuah

**3. KESELAMATAN**

- Maksud keselamatan dokumen dan dokumen terperingkat

# INTEGRITI ……APA DIA???

A ….. dil

Pa ….. da

DI ….. ri

A ….. nda





# Apa yang anda nampak?

# Apa isunya?


DILARANG
MEMBUANG SAMPAH
DI KAWASAN INI
DENGAN PERINTAH
YDP MPK



# Apa isunya?





# Apa Itu INTEGRITI

AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

Nilai, Prinsip dan Akauntabiliti –

etika, moral, maruah, sifat benar,jujur, tulus, sempurna, utuh, sifat tanggungjawab terhadap seseorang atau sesuatu serta sedia memberikan penjelasan dan kewajaran yang diperlukan



# INTEGRITI

**Perkataan "integrity" dalam bahasa Inggeris, berasal daripada bahasa Latin 'integer' yang bermaksud menyeluruh yang tidak boleh dipecahkan**

## "INTEGRITAS"

'tidak terjejas *(unaffected)*, kukuh *(intact)*, benar *(upright)*, boleh diharapkan *(reliable)*


"……Do not do to others what you do not want to be done to you….."
An old wise man


"Integrity is doing the right thing, even when no one is watching."
C.S. Lewis

**"Ethics is about following the rules, and integrity is about doing the right thing, regardless of the rules."**

What is Ethics ?

What is Integrity ?



**Etika –kod perlakuan dan nilai murni yang dijadikan landasan dalam perbuatan juga mengenai pematuhan terhadap peraturan sedia ada.**

**Integriti adalah tentang melakukan perkara yang betul, tanpa mengira peraturan/harap ganjaran.**

# Kepentingan Integriti






**"… a noble character is just as important as having an efficient and effective management…"**

Kurang pengetahuan boleh diatasi dengan belajar;

Kurang kecekapan boleh diatasi dengan latihan dan pengalaman;

TETAPI kurang kejujuran, susah untuk dicari penyelesaiannya



1. Niat yang betul
2. Perlakuan yang baik
3. Penggerak ke arah kebaikan
4. Memperkotakan apa yang dikatakan
5. Beradab
6. Kekitaan, Kesetiaan, Syura dan Muafakat

# Prinsip Etika Kerja dan Nilai-Nilai Murni

## Nilai-Nilai Murni

1. Amanah
2. Adil
3. Benar dan Telus
4. Bijaksana
5. Bersyukur dan Bersabar
6. Cekap, Cepat dan Tepat
7. Ikhlas

….. Nilai-Nilai Murni

8 Penyayang

9 Berdisiplin

10 Bersih

11 Bertanggungjawab

12 Berdedikasi



# IHSAN

**Diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a: Pada suatu hari ketika Nabi Muhammad s.a.w bersama para sahabatnya, datang sesorang bertanya apakah iman, islam dan ihsan? Rasulullah menjawab "Beribadah (nerujuk kepada setiap amal perbuatan yang baik) kepada Allah seakan – akan engkau melihat-Nya dan seandainya engkau tidak boleh mencapai keadaan itu, engkau harus yakin bahawa Dia melihatMu"**

# IHSAN - memayungi 4 nilai utama UPM




**"Taman Ilmu dan Pemikiran"**

## Kejayaan membanteras rasuah memerlukan sokongan raky

# Integriti adalah soal hati

INGGUAN: Apa pandangan Datuk
laporan yang menunjukkan ma-
walaupun tidak bersetuju dengan
tetapi dalam keadaan tertentu
nelakukannya juga?

MAN: Ini menunjukkan bahawa kita
rasuah apabila berhadapan dengan
boleh menimbulkan rasuah.

a kalau kita mahukan sesuatu kelu-
pada jabatan kerajaan dengan cepat,
usan itu memakan masa enam atau
n sedangkan kita terdesak mahu ce-
yang ditahan kerana kesalahan jalan
misalnya sanggup menghulur RM50
ke mahkamah dan membayar denda

lah tidak peduli lagi dari segi prinsip.
engaruh dan terjebak untuk rasuah.
k kepada diri sendiri; kita harus ber-
ada diri sendiri. Kalau kita tidak setu-
rasuah, kita jangan beri rasuah.

da masalah dengan kelulusan yang
bawa masalah itu sampai ke pering-
. Kita mesti cuba mengatasinya, dan
ali-kali tunduk melakukan rasuah.

soal penguatkuasaan begitu juga, ja-
r rasuah. Kalau beri rasuah, kita se-
menggalakkan penguat kuasa menye-
alau terpaksa disaman ke mahkamah
h boleh meminta dendanya diku-

angkalnya terpulang kepada diri kita.
a bayar saman, kita bayar saman.

l prinsip. Kenapa agaknya orang

### MUKADIMAH

**SOAL selidik sebuah agensi penyelidikan bebas baru-baru ini mendedahkan realiti sikap sebahagian besar daripada kita terhadap rasuah, dan realiti itu agak mengecewakan. Hasil soal selidik itu merumuskan bahawa rakyat Malaysia umumnya memahami keseriusan jenayah rasuah yang sedang diperangi habis-habisan oleh kerajaan.**

**Tetapi rumusan itu juga menunjukkan betapa kita tahu rasuah itu satu kesalahan tetapi sedikit yang bersedia tampil melaporkannya. Kita juga tahu ia salah tetapi masih rela menghulur duit kopi kepada pegawai penguat kuasa kalau ditahan melakukan kesalahan di jalan raya.**

**Presiden Institut Integriti Malaysia (IIM), Datuk Dr. Sulaiman Mahbob melihat sikap yang tercermin daripada soal selidik itu sebagai satu pertembungan antara prinsip dan etika.**

**"Prinsip itu kepercayaan diri dan etika amalannya. Kedua-duanya harus wujud selari dan konsisten," katanya kepada wartawan NOOR AZAM SHAIRI, dalam satu pertemuan di pejabatnya, petang Jumaat lalu.**

**IIM ialah sebuah badan yang ditubuhkan oleh kerajaan yang memantau pelaksanaan Pelan Integriti Nasional, cita-cita negara mahu melahirkan bangsa Malaysia yang berintegriti dan menghayati nilai-nilai murni.**

**Dalam wawancara ini, Sulaiman memberikan pandangannya mengenai usaha-usaha membanteras rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dan mengaitkannya dengan integriti yang cuba dipupuk dalam hati nurani rakyat.**

**"Kita harus ada perasaan bahawa sogokan walaupun hanya melibatkan jumlah wang yang kecil, ia tetap rasuah. Rasuah yang kecil itu hanya permulaan," katanya.**

**Sulaiman juga membincangkan dengan panjang lebar makna integriti dan pengamatannya terhadap tahap integriti di kalangan masyarakat yang negaranya sudah merdeka 48 tahun ini.**



hatnya sebagai satu dosa dan tidak
nakan tindakan undang-undang.

Kedua, mungkin kerana faktor
yang rendah. Kita mesti sensitif
hidup di bandar besar sara hidupny
gi. Kerajaan sedar dan itu sebabny
rikan elaun kos sara hidup.

Ketiga, mungkin juga kerana p
nya terlalu besar, hidup lebih besar
pada periuk. Dalam hal ini apa y
ialah merancang perbelanjaan deng

Itu dari sudut pekerja. Kepada m
ia harus melihat soal pendapatan. K
patannya kurang, mereka akan m
sampingan dan ini tentunya menje
kapan dan produktiviti di tempat k

Saya melihat usaha membantera
adalah satu perkara yang perlu dita
menyeluruh.

**Tetapi soalnya bolehkah int
dipertingkatkan membanteras r**

**SULAIMAN:** Saya percaya bol
tidaknya separuh daripada gejal
dihapuskan. Ini kerana integriti
soal diri sendiri – disiplin, budi pek
ruah diri.

Kalau kita sendiri jijik kepada ra
integriti kita begitu, kita tidak akan
ngan rasuah. Kalau suatu hari kit
kap dengan jebak rasuah, kita akan
tang bahaya dan dosanya.

Kita jangan lupa bahawa orang y
ma rasuah ini akan terhutang b
orang yang memberi. Tidurnya pun
sentiasa berjaga-jaga takut diburu o
undang.

# Cara Membersihkan Hati



- JAGA HATI
- PERBANYAKKAN MENGINGATI ALLAH
- BERMUJAHADAH/LAKUKAN
- Banyakkan mengingati mati

# PERATURAN 22

## Peraturan 22- Tidak Hadir Bertugas

Tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah boleh diambil tindakan tatatertib

'Ketidakhadiran' termasuk tidak hadir selama berapa lama jua pun pada masa dan tempat di mana pegawai dikehendaki bertugas.




SOARING UPWARDS
UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI
LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM
Peraturan 18 (1) dan Peraturan 18(2) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)
Kaedah 17 Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2014
"Sila Berhemah di Media Sosial"
SEMUA STAF ATAU PELAJAR UPM DILARANG / DITEGAH:
01
Membuat apa-apa pernyataan awam atau ulasan termasuk dengan menggunakan media sosial yang boleh memudaratkan, menyatakan perkara-perkara atau maklumat yang diklasifikasikan sebagai SULIT atau memalukan atau memburukkan nama baik dan reputasi kerajaan / universiti / staf / pelajar lain.
02
Mana-mana staf atau pelajar yang melanggar peruntukan ini boleh diambil tindakan tatatertib.
pnc_integriti@upm.edu.my
UNIT INTEGRITI PEJABAT NAIB CANSELOR
PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN
BERILMU BERBAKTI

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

# MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR TANPA KEBENARAN ADALAH SATU KESALAHAN

Peraturan 4, Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000

## Contoh

1. Berniaga Online



2. Berniaga Secara Sambilan



3. Pemandu Teksi Sambilan




4. Berniaga Kuih Raya




**Dibenarkan :**
**Setelah mendapat kebenaran bertulis daripada KETUA JABATAN**

**Dengan Syarat :**

1. Tidak dilakukan dalam waktu pejabat dan semasa dikehendaki melaksanakan tugas rasmi
2. Tidak menjejaskan kebergunaan sebagai seorang pegawai Badan Berkanun
3. Tidak bercanggah dengan kepentingan Badan Berkanun

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

UNIT INTEGRITI PEJABAT NAIB CANSELOR

# LARANGAN STAF DAN PELAJAR MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM AKTIVITI POLITIK DAN PILIHAN RAYA UMUM

Peraturan 20 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)
Seksyen 15 Akta Universiti Kolej Universiti (AUKU) 1971

## ADALAH MENJADI KESALAHAN

1. Memakai Lambang Parti Politik
2. Mengedar Risalah Parti Politik
3. Berkempen bagi Pihak Parti Politik
4. Memegang Jawatan dalam Parti Politik *(kecuali Kumpulan Pelaksana dengan kebenaran Lembaga)*

pnc_integriti@upm.edu.my
UNIT INTEGRITI PEJABAT NAIB CANSELOR

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

# PLAGIAT

Perkara 4 (b) Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia, (Perkara Penyelidikan) 2012

**Guru, Pelajar atau Staf tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan atau data, kepunyaan orang lain dalam penulisannya**





## Apa itu Plagiat?

1. Mengaku sesuatu idea, penulisan/data miliknya walhal milik orang lain
2. Cuba menonjolkan sumber asal sesuatu idea penulisan atau data darinya walhal diambil dari sumber lain
3. Menyatakan dirinya sebagai pengarang bersama sesuatu karya yang dia langsung tidak membuat apa-apa sumbangan
4. Memetik, menyalin idea, penulisan/data yang diambil daripada sumber lain tanpa menyebut sumber asal dalam penulisan
5. Menterjemah tulisan orang lain dari satu bahasa ke satu bahasa sama ada secara keseluruhan/sebahagian tanpa menyebut sumber asal
6. Memetik atau menyalin idea daripada penulisan orang lain dengan pengubahsuaian tanpa merujuk sumber asal



PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

UNIT INTEGRITI PEJABAT NAIB CANSELOR


JEREBU


Eksklusif
Selat Johor 'mati'
BH ONLINE
Tinjauan BH di beberapa sungai termasuk Sungai Kim Kim mendapati aliran seakan-akan minyak hitam pekat dari hilir sungai mencemari sungai yang bersambung dengan Selat Johor sehingga mengancam hidupan marin dan menjejaskan rezeki nelayan.



Staedler Mars technical pens



Faber Castell technical pens



Technical books (10 titles per set)



Kodak digital camera 3.1 megapixels



One set of 3 plastic vases for landscaping



Two-tonne car jack

Star GRAPHICS © 2007

# Paying through the nose for tools

## Millions extra spent on items for students at National Youth Skills Institutes

**PETALING JAYA:** Would you pay RM224 for a set of four screwdrivers?

Probably not, but that was what the Government paid to supply tools for students at the eight National Youth Skills Institutes (IKBN) around the country, according to the Auditor-General's (AG) report.

The AG said the screwdrivers had a market price of RM40 and according to pictures in






made to reduce prices.





KES PENGUBAHAN WANG HARAM RM61.57 JUTA

# Bekas Pengarah JANS, isteri antara tiga hadapi 37 tuduhan

Tertuduh mengaku tak salah dalam perbicaraan babit sitaan wang, harta terbesar


Oleh Wan Faizal Ismayatim, Mohd Izham Unnip Abdullah dan Mohd Nazlie Zainul
bhnews@bh.com.my


Kota Kinabalu

Tawar jaminan

Tanggung tiga anak

Info
Pertuduhan kes

Keratan akhbar BH.

Antara kenderaan mewah yang dirampas SPRM.



Awang Mohd Tahir dan Lam Beng keluar dari Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu, semalam.

Fauziah dibawa ke Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu, berhubung kes rasuah dan salah guna Jabatan Air Negeri Sabah.

Barangan kemas yang dirampas.

Wang tunai yang dirampas SPRM.

Fakta nombor
28 ORANG ditahan menerusi Ops Water Fasa Satu, Dua
200 SAKSI dirakam percakapan

Azam menunjuk kenderaan mewah yang disita bagi membantu siasatan di Kota Kinabalu.

# Siasatan tumpu isu bekalan air di Sabah

Beberapa lagi individu disiasat

Info

# RASUAH

(FOTO KHAIRULL AZRY BIDIN/BH)




**Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya** *untuk perintah tahanan reman, semalam.*



**Antara kenderaan** *yang dirampas SPRM.*

# 'KSU miliki 10 lot tanah jutaan ringgit'

## Aset dipercayai diperoleh daripada kegiatan rasuah, salah guna kuasa

**Oleh Suhaila Shahrul Annuar dan Ilah Hafiz Aziz**
bhnews@bh.com.my

▸ Kuala Lumpur

Ketua Setiausaha (KSU) kementerian yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kelmarin dikatakan memiliki sekurang-kurangnya 10 lot tanah bernilai jutaan ringgit di sekitar Lembah Klang.

Lot tanah yang sudah dinamakan ahli keluarganya itu berkemungkinan diperoleh daripada kegiatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

### Serah kepada SPRM

Nama Ketua Setiausaha itu tidak didedahkan oleh SPRM, namun Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, semalam mengeluarkan kenyataan menyerahkan sepenuhnya siasatan kepada SPRM dan akan memberi sokong serta kerjasama.

KSU kementerian berkenaan sekarang ialah Datuk Mohd Arif Ab Rahman.

Menurut sumber, SPRM belum membuat anggaran sebenar hartanah itu, namun ia mencecah jutaan ringgit kerana geran yang dirampas menunjukkan aset itu di lokasi bernilai tinggi.

Siasatan semalam mendapati, nilai sitaan aset terbaharu dianggarkan RM2.6 juta, iaitu jongkong emas seberat lapan kilogram bernilai RM1.6 juta dan wang tunai hampir RM1 juta termasuk mata wang AU$80,000.

Jongkong emas itu ditemui peti simpanan di sebuah bank, manakala wang tunai itu dirampas dari beberapa peti simpanan di bank lain.

SPRM turut menyita sebuah MPV Toyota Estima milik anak suspek di rumahnya. Kelmarin pihak SPRM merampas jongkong emas dan wang tunai berjumlah RM3.

### Suspek direman 7 hari

Sementara itu, suspek dan dua anak lelakinya direman tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan. Perintah reman yang dikeluarkan Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab Rahman, di Mahkamah Majistret di sini bermula semalam hingga 11 Januari ini.

Mohd Arif, 59, ditahan di kediamannya di Subang Jaya, manakala anaknya, masing-masing 29 dan 34 tahun, ditahan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas selesai memberi keterangan.

Dua anak lelakinya dipercayai menjawat jawatan sebagai pengurus dua syarikat berlainan dan dipercayai bersubahat menerima serta menyimpan wang hasil rasuah daripada kontraktor, pembekal dan vendor.

Difahamkan, ketika prosiding, suspek berusia 34 tahun menangis teresak-esak dan merayu supaya tidak direman kerana isterinya sarat mengandung dan anaknya yang berusia dua tahun dijaga rakannya.

Bagaimanapun, rayuannya ditolak dan Timbalan Pendakwa Raya memaklumkan beliau masih boleh melawat anaknya jika ada kecemasan.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Ahmad Akram Gharib, berkata ketiga-tiga suspek disiasat mengikut Seksyen 23 (1) Akta SPRM 2009 kerana menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan pegawai badan awam dan Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Seksyen 23(1) Akta SPRM 2009 menyatakan jika sabit kesalahan, boleh dipenjara hingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut yang mana lebih tinggi, manakala jika bersabit kesalahan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan, boleh dihukum penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Terdahulu, ketiga-tiga suspek yang tiba di Mahkamah Majistret di sini dengan memakai baju lokap SPRM berwarna jingga diiringi pegawai SPRM dilihat menutup muka masing-masing dengan baju.

RASUAH

# Pensyarah wanita menangis rayu tidak dipenjarakan

Pasangan suami isteri dituduh terima imbuhan kes kontrak RM34,250.25

Oleh Adha Ghazali
adha@bh.com.my

Alor Setar

Seorang pensyarah wanita menangis teresak-esak ketika merayu tidak dikenakan hukuman penjara selepas mengaku salah terhadap pertuduhan rasuah membabitkan kontrak pembekalan alat ganti kelengkapan elektrik bernilai RM34,250.25.

Afizah Md Yusoff, 36, yang didakwa bersama suaminya, Mohamad Redzuan Hussain, 39, di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, pada mulanya cuba menahan sebak sebelum teresak-esak ketika Hakim Zanol Rashid Hussain mengingatkan mereka mengenai hukuman berat yang menunggu, termasuk penjara sehingga 20 tahun.

"Saya merayu tidak dihukum penjara kerana empat anak masih kecil, anak bongsu juga masih menyusu. Selain itu, saya turut menjaga ibu bapa serta ibu mentua yang tinggal bersama"

*Afizah Md Yusoff, Tertuduh*

## Rayu tidak dipenjara

"Saya merayu tidak dihukum penjara kerana empat anak masih kecil, anak bongsu juga masih menyusu. Selain itu, saya turut menjaga ibu bapa serta ibu mentua yang tinggal bersama," kata Afizah dalam rayuannya.

Pasangan itu, kedua-duanya bekas pensyarah di Kolej Komuniti Padang Terap dekat sini, mengaku salah menggunakan kedudukan masing-masing secara berasingan di tempat kerja mereka pada Jun 2012 untuk mendapatkan suapan projek bagi adik Afizah.

Difahamkan, pasangan itu kini bertugas di kolej politeknik di Pulau Pinang.

Mereka dituduh menyediakan Pesanan Kerajaan bernombor P12000029 ke atas kontrak pembekalan alat ganti kelengkapan elektrik bernilai RM34,250.25 oleh syarikat RHA Sepakat Enterprise yang kepentingannya dimiliki Afilah Md Yusoff.

Kedua-dua tertuduh didakwa secara berasingan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Mahkamah kemudian menetapkan bon jaminan kelakuan baik RM5,000 mengikut Seksyen 294 Kanun Acara Jenayah untuk tempoh tiga tahun dengan seorang penjamin bagi Afizah, manakala suaminya dihukum penjara sehari dan denda RM171,251.25 atau penjara enam bulan jika gagal bayar denda.

BERITA HARIAN. 15/12/2016



AHKAMAH

# Bekas pegawai UiTM didakwa kemuka tuntutan palsu

**Butterworth:** Seorang bekas pegawai Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini semalam, atas dakwaan membuat tuntutan palsu RM2,500 pada Mei lalu.

Ariff Hashim, 46, yang berkhidmat sebagai Ketua Unit Sukan UiTM Pulau Pinang ketika kejadian, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Sitarun Nisa Abdul Aziz.

Dia didakwa memperdayakan Pembantu Tadbir Kewangan Kanan UiTM Pulau Pinang dengan membuat pernyataan palsu berhubung kerja membuka dan memasang peralatan Gimnasium Perdana ke Bangunan Zamrud oleh Syarikat Terusan Abadi dengan jumlah RM2,500 di pejabat unit sukan kampus berkenaan.

**Dibenar ikat jamin RM8,000**

Ariff didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Sesyen 24 akta sama. Jika sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana lebih tinggi.

Terdahulu, dia mengaku bersalah sebaik pertuduhan dibacakan kali pertama, namun menukar pengakuan kepada tidak bersalah selepas mahkamah berhenti rehat 30 minit. Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Ahmad Ghazali Muhamad Nazri, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah membenarkan lelaki itu diikat jamin RM8,000 dan menetapkan 16 Januari ini untuk pengurusan kes serta lantikan peguam.

→RASUAH

# Pegawai tanah ditahan SPRM

**Suspek miliki jumlah harta luar biasa berbanding kemampuan**

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur

Seorang pegawai tanah di Johor Bahru, Johor ditangkap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana memiliki jumlah harta yang luar biasa melebihi daripada kemampuannya sebagai seorang pegawai kerajaan.

Lelaki berusia lingkungan 50 tahun itu dikatakan memiliki kira-kira 33.9 hektar tanah serta aset perumahan mewah di merata-merata negeri selatan tanah air itu.

Difahamkan, kegiatan suspek sudah lama dihidu beberapa pihak yang hairan dengan kekayaannya yang bernilai jutaan ringgit.

Sumber SPRM berkata, suspek disyaki menggunakan kedudukannya untuk menentukan hal ehwal pejabat tanah daerah itu bagi memperoleh tanah, termasuk secara pindah milik.

### Kediaman mewah

"Hasil siasatan awal mendapati suspek memiliki beberapa lot tanah pertanian seluas 6.7 hektar, 27 hektar tanah usaha sama, tanah rumah kediaman serta kediaman mewah di beberapa tempat di Johor.

"Suspek ditahan di pejabat SPRM Johor, kira-kira 2 petang," kata sumber, semalam.

Pengarah SPRM Johor, Datuk Simi Abdul Ghani mengesahkan tangkapan itu dan suspek akan ditahan reman hari ini.



*Simi Abdul Ghani*

Dalam perkembangan lain, seorang lagi pegawai yang berkhidmat di sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Melaka turut ditahan kerana melakukan kegiatan rasuah membabitkan projek kerajaan.

Suspek yang berusia 55 tahun itu turut dikesan mempunyai akaun bank yang mengandungi nilai simpanan mencecah jutaan ringgit.

Sumber berkata, suspek dipercayai turut menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan wang suapan bagi projek-projek PBT berkenaan.

"SPRM sudah membekukan akaun bank milik suspek yang mengandungi wang jutaan ringgit dan suspek turut ditahan di sekitar bandar Melaka, kira-kira pukul 2 petang ini (semalam).

"Susulan itu, SPRM dijangka menahan beberapa lagi individu berkaitan kes ini," katanya.

**Fakta nombor**

**33.9 HEKTAR**
tanah dan aset perumahan mewah dimiliki suspek

**6.7 HEKTAR**
tanah pertanian dimiliki suspek

# 'Durian kuning' bahaya dimak

*» Buah direndam bahan kimia akibatkan alahan teruk terutama pesakit asma*

**Oleh Nur Fatin Mohd Satar**
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Buah durian yang direndam dalam air bercampur bahan kimia seperti sulfur bagi mengekalkan kesegarannya boleh menyebabkan alahan teruk kepada pemakan, terutama pesakit asma.

Pensyarah Hortikultur Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Phebe Ding, berkata kaedah itu bertujuan mengawet buah bagi mengelakkan jangkitan kulat dan bakteria melalui serangga yang boleh menyebabkan buah rosak.

"Sulfur digunakan bagi mengelakkan isi buah daripada menjadi perang, namun daripada sudut kesihatan ia mengakibatkan pesakit asma menjadi lebih teruk. Mereka juga mungkin menggunakan pewarna industri untuk pakaian yang harganya jauh lebih murah.

"Bahan kimia ini tidak memberi kesan kepada kesihatan dalam jangka masa pendek, namun menjejaskan kesihatan dalam jangka masa panjang," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai penyebaran gambar durian direndam dalam air berwarna kuning dalam media sosial, terutama Facebook.

**Gambar jadi viral**

Gambar yang menjadi viral itu menunjukkan individu merendam durian dalam cecair berwarna kuning yang didakwa dirakam di negara jiran.

Dr Phebe berkata, buah itu dipercayai direndam dalam bahan mengandungi kimia bercampur pewarna kuning untuk memastikan isu durian berwarna kuning.

"Mereka hanya perlu merendam antara dua hingga tiga jam sahaja. Isi bertukar kuning, dipercayai berpunca daripada bahan pewarna yang diserap melalui tangkai durian.

"Saya menyarankan supaya orang ramai hanya memakan buah-buahan tempatan yang tidak mempunyai racun dan selamat untuk dimakan," katanya.

Beliau juga berkata, kesegaran asli buah hanya bertahan satu atau dua hari dan peniaga menggunakan kaedah rawatan menyembur bahan kimia sebelum dieksport.





*Gambar yang menjadi viral dalam media sosial, terutama Facebook* ***menunjukkan seorang peka merendam durian dalam cecair berwarna kuning*** *yang didakwa di negara jiran. Gambar ke tangkai durian jelas bewarna kekuningan akibat rendaman sulfur.*

BH ONLINE

KHAMIS, 10 NOVEMBER 2016 @ 12:50 PM

# Tatatertib: 5,778 penjawat awam dibuang kerja

Oleh Nazura Ngah; Haryani Ngah dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@ bh.com.my

Tweet Suka Kongsi 13 K G+1 0

KUALA LUMPUR: Seramai 5,778 orang atau 18.5 peratus daripada 31,230 penjawat awam yang dikenakan tindakan tatatertib bagi tempoh 2010 hingga Julai lalu, dibuang kerja.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata bagi tempoh sama 152 penjawat awam diturunkan pangkat dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 48 bulan.

Di samping itu, katanya seramai 1,168 diturunkan gaji dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 36 bulan, manakala 2,369 ditangguhkan pergerakan gaji dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 30 bulan.

"Seramai 4,370 penjawat awam dilucutkan hak emolumen dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 24 bulan, manakala 4,295 orang dikenakan denda maksimum tujuh hari emolumen dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 18 bulan.

"Seramai 13,104 penjawat awam diberi amaran dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 12 bulan," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Er Teck Hwa (DAP-Bakri) meminta Perdana Menteri menyatakan bilangan kakitangan awam yang melanggar tatatertib diberikan amaran, digantung gaji dan pangkat, dilucutkan jawatan dan pencen atau ganjaran mengikut pecahan jenis kesalahan, gred jawatan dan kementerian dari tahun 2010 hingga 2016.

Teks jawapan Azalina dibacakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P Kamalanathan.

ISU

2/6/14

# Sepintas

**KUALA LUMPUR**

## 4,743 penjawat awam dipecat

**Seramai** 20,434 penjawat awam dikenakan tindakan tatatertib dalam tempoh lima tahun sehingga 2013.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, berkata daripada jumlah itu, 4,743 dibuang kerja, manakala 125 diturunkan pangkat dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 48 bulan.

Beliau berkata, seramai 963 diturunkan gaji; ditangguhkan pergerakan gaji (2,048); dilucutkan hak emolumen (3,491) serta denda (3,373).

Beliau mendedahkan tindakan itu ketika menjawab soalan Datuk Johari Abdul (PKR-Sungai Petani).

# Amaran KSN: 5,000 staf awam 'makan gaji buta' disingkir

OLEH MOHD. ASRON MUSTAPHA (MOHDASRON.MUSTAPHA@UTUSAN.COM.MY) | 24 Mei 2015 1:06 AM
4965 8 Google +4
- See more at: http://www.utusan.com.my/berita/nasional/amaran-ksn-5-000-staf-awam-makan-gaji-buta-disingkir-1.95065#sthash.rzxAL2W3.dpuf





PENJAWAT AWAM CULAS KENA TERJAH : Sinar Harian
Unit Integriti SUK bertindak tegas meminta penjawat awam yang keluar ketika waktu kerja menulis nama untuk dihantar kepada ketua jabatan masing-masing. *16/2/2015*

j





# Sultan Nazrin mahu IPT kekal integriti

*» 4 institusi terulung dunia Islam wajar jadi teladan*

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, bertitah institusi pengajian tinggi (IPT) negara perlu diperkukuh dan dipelihara serta dikekalkan integriti, selain kebebasannya.

Namun, baginda bertitah, beberapa elemen perlu diberi penekanan termasuk mengekalkan rasa hormat terhadap tradisi dan pengetahuan lama, mengadun kecemerlangan akademik ke dalam budaya ilmiah serta menjalankan misi sosial.

Titah baginda, empat institusi terulung dunia Islam, iaitu Universiti Al-Qarawiyyin di Fez, Magribi; Universiti Al-Azhar di Kaherah, Mesir; Kolej Nizamiyyah di Wilayah Abbasiyah dan Baytul Hikmah, di Baghdad, Iraq wajar menjadi contoh di mana institusi terbabit bukan sahaja berjaya, malah bebas daripada kepentingan luar.

**Kekalkan intergriti**

"Keempat-empat institusi ini dibiaya menerusi sistem wakaf dan dana, dikawal oleh lembaga pemegang amanah yang melaksanakan tugas bagi mengekalkan kewujudan serta kesejahteraan institusi.

"Bagi pemimpin dan pentadbir institusi di sini, ingin beta tegaskan bahawa kita diberi kepercayaan oleh orang ramai sebagai pemegang amanah, melaksanakan kewajipan dengan integriti dan takwa.

"Justeru, perlu ada kesedaran betapa pentingnya untuk memelihara dan mengukuhkan institusi serta mengekalkan integriti selain kebebasan mereka," titah baginda ketika menyampaikan ucaptama dalam Sidang Kemuncak Pemimpin-Pemimpin Universiti Islam Dunia (WICULS) 2015, di sini, semalam.

Turut hadir dalam program bertema Menulis Semula Naratif: Pendidikan Tinggi Untuk Abad Ke-21 ialah Felo Utama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak dan Felo Akademik di University Of Cambridge, Ahmad Keeler.

**Pendidikan era baharu**

Ia buat julung kali menghimpunkan lebih 200 pemimpin tertinggi universiti Islam dari seluruh dunia bagi membincangkan isu dan usaha membangunkan naratif pendidikan baharu untuk mendepani cabaran pengajian tinggi global.

Sultan Nazrin turut merujuk kepada tradisi tasamuh (bertolak ansur atau berlapang dada) Universiti Al-Azhar bagi menerima sesuatu dengan ikhlas, berbanding sikap taksub yang dipengaruhi pemikiran fanatik peribadi, sekolah atau agama tertentu.

Titah baginda, sukar bagi seseorang yang hilang integriti untuk mendapatkan kembali kepercayaan orang ramai, sama ada dalam bidang pendidikan, pentadbiran, badan kehakiman, agensi pengawalseliaan, penguatkuasaan atau institusi raja.

"Justeru, menjadi hasrat dan harapan beta supaya pemimpin, selain pentadbir kita akan terus memperkukuhkan mutu institusi negara serta tidak membiarkan keupayaan, integriti atau kebebasannya terjejas," titah baginda.




***Sultan Nazrin melancarkan buku terbitan USIM** pada Sidang Kemuncak Pemimpin-Pemimpin Universiti Islam Dunia 2015 di Putrajaya, semalam.* [FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]

Dalam pada itu Sultan Nazrin berharap krisis pelarian Syria yang semakin meruncing kebelakangan ini mampu ditangani dengan lebih baik oleh umat dan pemimpin negara Islam.

Baginda bertitah, sejak beberapa minggu lalu, ribuan pelarian Syria melarikan diri daripada konflik peperangan dan kemiskinan ke Eropah bagi mendapatkan perlindungan berbanding ke negara Islam lain.

"Kita seharusnya tidak lupa, ketika orang Islam di Eropah diusir ketika penaklukan di Sepanyol pada kurun ke-15, kebanyakan pelarian mendapat perlindungan di Universiti Al-Qarawiyyin, malah ada yang menyambung pelajaran situ sehingga menjadikan bandar Fez terkenal sebagai penempatan pelarian.

**Sejarah jadi teladan**

"Ada pengajaran daripada sejarah lama ini kita boleh lakukan sesuatu yang lebih baik dalam situasi pelarian ketika ini. Beta amat tersentuh apabila ada pelarian Syria menyamakan Canselor Jerman, Angela Merkel dengan Raja Negus beragama Kristian di Habsyah, yang memberi perlindungan kepada pelarian Islam ketika Hijrah pertama pada zaman Rasulullah.

"Malah, memetik kata seorang pelarian Syria lain: 'Kita akan memberitahu anak-anak bahawa pelarian Syria meninggalkan negara untuk datang ke Eropah ketika Makkah dan tanah Islam adalah lebih dekat dengan mereka'.

"Beta harap umat Islam di seluruh dunia boleh melakukan sesuatu yang lebih baik bagi menangani krisis pelarian ini," titah baginda.

# 'Making false sick claims is a crime'

## MACC: Those found guilty can be jailed and fined for committing corruption

By JUSTIN ZACK and FARIK ZOLKEPLI
newsdesk@thestar.com.my

**EXCLUSIVE**

